

Perhebat pindah teknologi: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu syarikat usaha sama bersungguh-sungguh melaksanakan pemindahan teknologi bagi mempercepatkan proses perindustrian di negara ini.

Menurutnya, kegagalan berbuat demikian boleh menggagalkan usaha mencipta barangan baru di samping melemahkan matlamat produktiviti dan kecekapan tempatan.

"Bagi pemilik syarikat tempatan pula, kita hendaklah mengambil bahagian dalam semua urusan termasuk kejuruteraan. Ini mengelakkan pelabur yang pasif atau hanya berkongsi nama semata-mata.

"Di sesetengah bidang, memang berlaku pemindahan teknologi tetapi persoalannya ialah sejauh mana kita mampu mencipta barangan lain atau gagal memanfaatkan langsung teknologi baru.

"Oleh itu, kita tidak boleh berhenti mene-

rima teknologi. Siapa pun mesti mengikuti perkembangan teknologi dan mencari jalan untuk meningkatkannya. Jika kita ada asas, kita kembangkanya melalui penyelidikan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian kompleks kilang Sapura-

Nokia Telecommunications dan Sapura Electronic Industries Sdn Bhd di sini, hari ini.

Mengenai industri telekomunikasi, Perdana Menteri berkata, usaha sama di antara Sapura Holdings Sdn Bhd dan Nokia Telecommunications OY Finland adalah langkah bijak yang boleh membuka peluang kegiatan nilai ditambah.

"Ini kerana, bidang telekomunikasi di Malaysia mencatatkan pertumbuhan mengagumkan. Eksport barangan itu meningkat daripada RM1.23 bilion pada 1990 kepada RM1.97 bilion pada 1992. Ia bertambah sebanyak 46 peratus.

"Dari segi bilangan pelanggan telefon, ia meningkat daripada 169,600 pada 1975 kepada 1.58 juta pada 1990. Pada hari ini, ada kira-kira 2.3 juta pelanggan telefon," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, sehingga hari ini, kerajaan meluluskan sebanyak 105 projek bagi mengeluarkan pelbagai produk telekomunikasi

membabitkan 75 syarikat tempatan.

"Berikutan pelbagai perkembangan itu, kerajaan melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara bagi menyediakan garis panduan yang jelas untuk menentukan arah perkembangan industri telekomunikasi pada masa depan.

"Kita juga berharap dasar itu membantu mewujudkan masyarakat pintar dan kaya dengan maklumat melalui rangkaian telekomunikasi yang canggih dan moden," katanya.

Mengenai skim latihan dalam syarikat usaha sama, beliau berkata, syarikat itu sepatutnya menyediakan latihan tambahan bagi meningkatkan kemahiran dan melengkapkan pekerja dengan kemahiran baru.

"Inisiatif Sapura-Nokia Telecommunications Sdn Bhd menubuhkan pusat latihan dengan program intensif adalah selaras hasrat kerajaan membangunkan teknologi industri tempatan," katanya.